Penyebut harga adalah dikehendaki mengisi dan menandatangani borang ini. Sekiranya borang ini tidak diisi dan tidak ditandatangani, tawaran penyebut harga menjadi tidak sah / laku dan dengan sendirinya akan ditolak.

4. MAKLUMAT LATAR BELAKANG PENYEBUT HARGA

4.1 Untuk membolehkan penilaian ini dibuat, penyebut harga dikehendaki mengemukakan dokumen-dokumen berikut bersama-sama dokumen sebut harga:

i. **Salinan Akaun Syarikat** yang telah disahkan dan diaudit oleh Juruaudit yang bertauliah bagi dua (2) tahun kewangan yang berakhir (bagi syarikat Sdn. Bhd. / Berhad sahaja).

- ii. **Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank** mengenai Wang dalam Tangan Penyebut harga bagi tiga (3) bulan terakhir sebelum tarikh tutup sebut harga iaitu bagi bulan **April 2024, Mei 2024 dan Jun 2024**.
 - iii. **Salinan Sijil-sijil Pendaftaran Syarikat**, Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan dan pengesahan Bumiputera yang masih berkuatkuasa.
- 4.2 Dokumen-dokumen ini sangatlah penting dan **WAJIB** disertakan untuk membolehkan penilaian keupayaan yang sewajarnya dibuat ke atas penyebut harga. Sekiranya penyebut harga tidak atau gagal untuk mengemukakan dokumen-dokumen ini, tawaran penyebut harga **akan ditolak** dan tidak akan dipertimbangkan.

5. PENGHANTARAN DOKUMEN SEBUT HARGA

- 5.1 Dokumen harga dan dokumen teknikal hendaklah disediakan dalam sampul yang berasingan dan berlakri. Kedua-dua sampul tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam satu bungkusan berlakri serta bertanda:

No. Sebut harga : SH / MAIWP / 47 / 2024
**Tajuk : Program Pengajian Dan Kerjaya Kursus Jangka Pendek:
Bidang Pembantu Jururawat Untuk Majlis Agama Islam
Wilayah Persekutuan (MAIWP).**

- 5.2 Dokumen sebut harga yang lengkap hendaklah di alamatkan dan dimasukkan ke dalam peti tawaran seperti berikut:

**Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan
Kaunter Kewangan Aras 11
Menara MAIWP
No. 55, Lorong Haji Hussein 2
50300 Kuala Lumpur**

- 5.3 Tawaran sebut harga hendaklah sampai ke alamat tersebut dan dimasukkan ke dalam peti sebut harga sebelum atau pada **03 September 2024 (Selasa)** pukul **12.00 Tengah Hari**. Tawaran sebut harga yang lewat tidak akan dipertimbangkan.
- 5.4 MAIWP tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kelewatan atau kehilangan mana-mana dokumen sebut harga yang dikemukakan melalui pos.
- 5.5 Dokumen tawaran sebut harga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, berbangkit dari sebarang sebab, tidak akan dipertimbangkan.
- 5.6 Semua kos yang berkaitan Sebut harga ini perlu ditanggung oleh Penyebut harga sendiri.

BAHAGIAN I

SYARAT-SYARAT AM SEBUT HARGA

Penyebut harga hendaklah mematuhi sepenuhnya syarat-syarat ini apabila menyertai sebut harga. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat seperti yang dinyatakan akan menyebabkan sebut harga tersebut tidak dipertimbangkan dan terus ditolak.

1. KELAYAKAN UNTUK MEMASUKI SEBUT HARGA

1.1 Syarikat yang hendak menyertai sebut harga ini hendaklah terdiri daripada syarikat berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam bidang:

- **221110 – Khidmat Latihan, Tenaga Pengajar dan Moderator/Negotiator.**

Salinan surat pendaftaran di atas hendaklah disertakan bersama-sama dengan tawaran. Jika tempoh pendaftaran telah ataupun hampir tamat, Penyebut harga hendaklah mengemukakan salinan surat dari Kementerian Kewangan yang menyatakan bahawa permohonan lanjutan telah dibuat.

1.2 Sebut harga hendaklah dibuat atas borang-borang asal Sebut harga yang diperolehi oleh penyebut harga. Semua borang-borang yang berhubung dengan sebut harga hendaklah ditandatangani oleh orang yang diberi kuasa oleh penyebut harga. Mana-mana borang yang tidak bertandatangan dan dicop **akan ditolak terus** daripada pertimbangan.

2. HARGA TAWARAN

2.1 Harga-harga yang ditawarkan adalah termasuk semua kos seperti pengangkutan, perkhidmatan dan lain-lain yang bersangkutan dengan **Program Pengajian Dan Kerjaya Kursus Jangka Pendek: Bidang Pembantu Jururawat Untuk Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)** tersebut.

2.2 Harga-harga yang ditawarkan dalam Sebut harga ini adalah tetap dan tidak boleh dipinda selepas Sebut harga ini ditutup dan akan berkuatkuasa selama dalam tempoh sah laku Sebut harga. Penyebut harga yang berjaya ditawarkan Sebut harga ini hendaklah mematuhi arahan dan peraturan yang dikeluarkan oleh MAIWP dari masa ke semasa sepanjang masa kontrak berjalan dan tidak boleh dibuat sebarang perubahan.

3. CAGARAN KESELAMATAN

3.1 Sebelum sesuatu kontrak perkhidmatan disempurnakan penyebut harga yang berjaya dikehendaki memberi cagaran keselamatan sebanyak 2.5% daripada jumlah nilai kontrak yang bernilai RM200,000.00 tetapi tidak melebihi RM500,000.00 setahun dan sebanyak 5% bagi kontrak yang nilainya melebihi RM500,000.00 setahun.

- 3.2 Cagaran keselamatan ini hendaklah dalam bentuk jaminan bank daripada bank-bank yang diluluskan dan berdaftar di Malaysia. Bagi kontrak-kontrak yang bernilai tidak melebihi RM500,000.00 (Nilai keseluruhan kontrak) jaminan insuran daripada syarikat-syarikat insuran yang diluluskan dan berdaftar di Malaysia boleh diterima selain daripada wang tunai dan jaminan bank. Cagaran ini akan dikembalikan sesudah kontrak diselesaikan dengan memuaskan.

4. POLISI TAKAFUL

Kontraktor dikehendaki mengambil polisi takaful bagi Insuran Tanggungan Awam, Insuran Pampasan Pekerja dan lain-lain polisi yang difikirkan perlu dan diminta oleh Kerajaan atas perbelanjaan sendiri. Polisi takaful yang diperakui dan resit ke atas premium yang dibeli itu hendaklah dikemukakan kepada MAIWP dalam masa (30) hari selepas notis penerimaan tawaran.

5. MENARIK BALIK TAWARAN / MENOLAK TAWARAN

- 5.1 Penyebut harga tidak boleh menarik balik tawaran sebelum sebut harga dipertimbangkan atau menolak tawaran setelah sebut harga dipertimbangkan atau menolak tawaran setelah tawaran dibuat. Jika penyebut harga menarik diri atau menolak tawaran, nama penyebut harga akan dikemukakan kepada pihak berkuasa untuk tindakan selanjutnya.
- 5.2 Penyebut harga yang berjaya dikehendaki menandatangani satu perjanjian kontrak dengan MAIWP dan adalah terikat dengan syarat-syarat yang terkandung dalam perjanjian dan syarat-syarat dalam dokumen sebut harga.

6. TEMPOH SAHLAKU TAWARAN

Tempoh sah laku sebut harga ini adalah selama 90 hari bermula daripada tarikh Sebut harga ditutup. Tempoh ini boleh dengan persetujuan bersama dilanjutkan jika perlu.

7. SETUJU TERIMA SEBUT HARGA

- 7.1 MAIWP tidak terikat untuk setuju terima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga. Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga adalah muktamad. MAIWP tidak akan melayan sebarang surat menyurat yang berupa rayuan dari penyebut harga berkenaan sebab-sebab sebut harga mereka tidak berjaya.
- 7.2 Penyebut harga-penyebut harga yang berjaya dikehendaki:
- a) Tidak boleh menolak tawaran. Nama Penyebut harga akan dikemukakan kepada Kementerian Kewangan Malaysia untuk tindakan menggantung pendaftaran jika penyebut harga menolak tawaran.
 - b) Menandatangani satu perjanjian kontrak dengan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan adalah terikat dengan syarat-syarat yang terkandung dalam perjanjian dan syarat-syarat dalam dokumen sebut harga.

8. PENALTI

- 8.1 Penyebut harga yang berjaya akan mengikat kontrak dengan MAIWP dan adalah bertanggungjawab melaksanakan perkhidmatan ini. Penyebut harga akan dikenakan penalti jika melanggar ikatan kontrak. Jumlah penalti adalah sebanyak 10% daripada jumlah harga keseluruhan sebut harga dan tidak melebihi 40% daripada bayaran keseluruhan.
- 8.2 LAD / denda / tolakan yang mana kaedah pengiraannya akan ditentukan oleh MAIWP boleh dikenakan keatas syarikat yang gagal memenuhi obligasi kontrak. Pengiraan tersebut akan dinyatakan dalam Surat Setuju Terima (SST). Jika syarikat gagal membayarnya, denda / ganti rugi akan dituntut daripada bayaran kemajuan atau daripada sebarang baki bayaran yang syarikat berhak terima. Sekiranya ini tidak dapat dilaksanakan, tuntutan akan dibuat daripada bon pelaksanaan.

9. KESALAHAN RASUAH

- 9.1 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 9.2 Sekiranya mana-mana pihak menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah atau Balai Polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 9.3 Tanpa prejudis kepada tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan kontraktor atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 9.4 Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

10. PENGGUNAAN BAHAN / BARANGAN / PERKHIDMATAN TEMPATAN DALAM PEROLEHAN KERAJAAN.

- 10.1 Kontraktor adalah diwajibkan menggunakan bahan / barangan buatan tempatan yang disenaraikan di dalam senarai bahan / barangan binaan buatan tempatan yang disediakan oleh IKRAM QA Services Sdn. Bhd. dan / atau senarai bahan / barangan buatan tempatan yang disediakan oleh SIRIM QA Services Sdn. Bhd. atau mana-mana agensi / badan yang telah diakreditasikan oleh Jabatan Standard Malaysia untuk menjalankan pengiktirafan dan pensijilan barangan tempatan, mengikut mana yang berkenaan. Sekiranya kontraktor tidak mematuhi peraturan menggunakan bahan / barangan buatan tempatan setelah surat setuju terima dikeluarkan, penalti dan/atau penolakan bahan yang dibekalkan akan dikenakan ke atas kontraktor.
- 10.2 Bagi bahan / barangan buatan tempatan yang tidak disenaraikan, juga boleh dipertimbangkan jika barangan tersebut telah terlebih dahulu diuji dan diperakukan oleh IKRAM QA Services Sdn. Bhd. atau SIRIM QA Services Sdn. Bhd., mengikut mana yang berkenaan.

BAHAGIAN II – JADUAL HARGA

PROGRAM PENGAJIAN DAN KERJAYA KURSUS JANGKA PENDEK: BIDANG DANDANAN RAMBUT (GUNTING RAMBUT) UNTUK MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN (MAIWP)

BIL.	ITEM	KUANTITI	KOS SEORANG (RM)	JUMLAH HARGA (RM)
1	YURAN KURSUS JANGKA PENDEK	50	RM _____	RM _____
2	ELAUN MAKAN, ELAUN SARA DIRI, KOS PENGINAPAN DAN PENGANGKUTAN	50	RM _____	RM _____
JUMLAH KESELURUHAN (RM)				RM _____
SST _____% (JIKA BERKAITAN) (RM) (SILA NYATAKAN)				RM _____
JUMLAH BESAR (RM)				RM _____

Nota: Harga Indikatif Jabatan adalah seperti di Para 1.2 – Arahan Kepada Penyebut Harga

PERAKUAN PENYEBUT HARGA

Saya mengesahkan **JUMLAH BESAR** bagi sebut harga **SH/MAIWP/47/2024** ialah sejumlah Ringgit Malaysia: _____
_____ iaitu **RM** _____.

Bertarikh pada haribulan 2024.

Tandatangan :

Nama :

No. Kad Pengenalan :

Cop Syarikat :

SURAT AKUAN PEMBIDA

Bagi

**PROGRAM PENGAJIAN DAN KERJAYA KURSUS JANGKA PENDEK: BIDANG PEMBANTU
JURURAWAT UNTUK MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN (MAIWP) -
SH/MAIWP/47/2024**

Saya, No. Kad Pengenalan yang mewakili nombor Pendaftaran dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini:

- i. tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa - apa suapan kepada mana-mana orang dalam mana-mana Kementerian/Agensi atau mana-mana orang lain, sebagai suapan untuk dipilih dalam mana-mana perolehan; dan
- ii. tidak akan melakukan atau terlibat dengan tipuan bida dalam mana-mana perolehan.

Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam pakatan tipuan bida dengan syarikat lain berkenaan perolehan di atas atau menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam **MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN (MAIWP)** atau mana-mana orang lain sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut boleh diambil:

- 2.1 Hilang kelayakan untuk dinilai dan dilantik bagi perolehan di atas; dan
- 2.2 Lain-lain tindakan undang-undang / tatatertib mengikut undang-undang / peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat-kuasa.

3. Saya sesungguhnya faham bahawa tindakan berikut akan diambil:

- 3.1 Didakwa bagi kesalahan** di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksaan [Akta 574] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing untuk kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (i); atau
- 3.2 tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Persaingan 2010 [Akta 712] atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (ii) dalam Surat Akuan ini. Sekiranya syarikat didapati melanggar peruntukan seksyen 4(2)(d) Akta 712, syarikat boleh didenda tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada pusing ganti (turn over) seluruh dunia sepanjang tempoh suatu pelanggaran itu berlaku.

4. Sekiranya terdapat mana-mana orang cuba memperolehi atau meminta apa-apa suapan daripada saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

5. Saya sesungguhnya faham bahawa syarikat melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan syarikat*** memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan untuk memperolehi atau mengekalkan perniagaan atau faedah dalam menjalankan perniagaan di bawah Seksyen 17A, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Yang Benar,

Tandatangan : _____
Nama : _____
No. KP : _____
Tarikh : _____
Cop Syarikat : _____

Catatan:

- (i) ****termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3 (a), takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan.*
- (ii) ****seseorang yang bersekutu dengan syarikat merujuk kepada seksyen 17A (6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], iaitu seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia seorang pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.*
- (iii) *Surat Akuan ini hendaklah dikemukakan bersama surat perwakilan kuasa.*
- (iv) *Takrifan perusahaan di bawah Akta 712 merangkumi syarikat yang terlibat dengan perolehan Kerajaan*

**SURAT PENGAKUAN KEBENARAN MAKLUMAT
DAN KEESAHAN DOKUMEN YANG DIKEMUKAKAN OLEH PENYEBUT HARGA**

Nama Penyebut Harga :
Alamat :
.....
.....

Kepada,

**Ketua Pegawai Eksekutif
Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan
Aras 20, Menara MAIWP
No. 55, Lorong Haji Hussein 2
50300 Kuala Lumpur**

Tuan,

MAKLUMAT LATAR BELAKANG, KEWANGAN DAN TEKNIKAL PENYEBUT HARGA

Adalah dengan ini dimaklumkan bahawa Syarikat
..... mengambil bahagian dalam sebut harga:
SH/MAIWP/47/2024, Program Pengajian Dan Kerjaya Kursus Jangka Pendek: Bidang Pembantu Jururawat Untuk Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP).

2. Kami telah membaca dengan teliti semua arahan-arahan yang terkandung dalam Arahan Kepada Penyebut Harga termasuk arahan yang menghendakkan kami mengemukakan Sebut Harga ini untuk membolehkan MAIWP menilai keupayaan kami untuk melaksanakan perkhidmatan / kerja yang di Sebut Harga semasa penilaian Sebut Harga.

3. Kami faham dan mengambil maklum bahawa penilaian Sebut Harga ini akan mengambil kira dan mementingkan keupayaan kami melaksanakan kerja / perkhidmatan yang di Sebut Harga. Justeru itu, Sebut Harga kami akan hanya dipertimbangkan untuk diperakukan kepada Jawatankuasa Sebut Harga untuk disetujui terima sekiranya kami didapati berkeupayaan untuk melaksanakan projek yang di Sebut Harga, mengikut penilaian MAIWP berasaskan maklumat-maklumat dan dokumen-dokumen yang kami kemukakan.

4. Kami juga mengambil maklum bahawa kami dikehendaki mengemukakan semua maklumat dan dokumen-dokumen yang diminta bersama-sama Sebut Harga kami sebelum Sebut Harga ditutup dan maklumat-maklumat atau dokumen-dokumen yang dikemukakan kemudian daripada itu tidak akan diterima untuk diambil kira dalam penilaian keupayaan kami.

5. Kami mengaku bahawa maklumat-maklumat dan data-data yang kami berikan bersama-sama ini di borang-borang yang disediakan serta dokumen-dokumen yang kami sertakan bersamanya adalah semuanya benar dan sah pada semua segi dan kami telah mengambil maklum dan sedar akan tindakan yang boleh diambil oleh Majlis Agama Islam Wilayah persekutuan terhadap kami dan / atau Sebut Harga kami, sekiranya mana-mana maklumat, data-data dan dokumen yang kami berikan itu didapati tidak benar atau palsu.

6. Kami juga mengambil maklum dan sedar bahawa Sebut Harga kami akan ditolak (*disqualified*) dan tidak akan dipertimbangkan sekiranya maklumat-maklumat yang kami berikan tidak mencukupi atau sekiranya kami gagal untuk memberikan bersama-sama ini mana-mana maklumat dan/atau menyertakan mana-mana dokumen penting yang sangat diperlukan untuk membolehkan MAIWP menilai keupayaan kami, terutamanya dokumen-dokumen berhubung dengan kedudukan kewangan dan prestasi kerja kami.

7. Kami dengan ini memberi kuasa kepada mana-mana pegawai MAIWP, bank dan institusi kewangan lain, dan lain-lain atau mana-mana orang atau firma yang berkenaan untuk memberikan maklumat-maklumat yang dianggap perlu dan diminta oleh MAIWP untuk menyemak maklumat-maklumat yang kami berikan atau untuk mendapat maklumat tambahan. Walau bagaimanapun kami tetap bertanggungjawab diatas maklumat-maklumat dan dokumen-dokumen yang kami berikan bersama-sama ini.

Yang Benar,

.....
Tandatangan penyebut harga

Tarikh :

Nama Penuh :
No. Kad Pengenalan :
Jawatan :

Yang diberikuasa dengan sepenuhnya untuk menandatangani Sebut Harga ini untuk dan bagi pihak:

.....
Cop Syarikat Penyebut Harga

Saksi:

Tarikh :

Tandatangan :
Nama Penuh :
No. Kad Pengenalan :
Pekerjaan :
Alamat :
.....
.....

Cop Syarikat :

KETERANGAN MENGENAI PENYEBUT HARGA

(mohon dilengkapkan semua butiran yang berkaitan)

1. Nama Syarikat :
2. Alamat Syarikat :
 - i. Ibu Pejabat :
 - ii. Cawangan :
3. No. Telefon :
4. No. Fax :
5. No. Pendaftaran :
- (dengan Kementerian Kewangan)
6. No. Pendaftaran PKK :
- Tarikh kuatkuasa mulai hingga
- (sila sertakan salinan sijil)
7. No. Pendaftaran CIDB:
- Tarikh kuatkuasa mulai hingga
- (sila sertakan salinan sijil)
8. Jenis Perniagaan Utama:
9. Taraf Syarikat :
- (Jika berdaftar Bumiputera, sila sertakan salinan Sijil pengesahan taraf daripada Kementerian Kewangan).
10. Butir-Butir Pemilik / Pemegang Saham Syarikat
 - 10.1 Perseorangan

Nama Pemilik	No. Kad Pengenalan
(i)
(ii)

10.2 Perkongsian

Nama Pemilik	No. Kad Pengenalan
(i)
(ii)
(iii)
(iv)
(v)

10.3 Sendirian Bhd / Berhad (Lembaga Pengarah)

Nama Pemilik	No. Kad Pengenalan
(i)
(ii)
(iii)
(iv)

10.3.1 Bilangan Pemegang Saham mengikut jumlah unit saham:

	Bilangan Pemegang Saham	Jumlah Unit Saham	%
i. Bumiputera
ii. Bukan Bumiputera

11. Modal Syarikat

Sila isikan mana yang berkaitan sahaja.

11.1 Syarikat perseorangan

Modal : RM.....

11.2 Syarikat perkongsian

Modal : RM.....

11.3 Syarikat Sendirian Berhad / Berhad

Modal Dibenarkan : RM

Modal Dibayar : RM

12. Nama orang yang bertanggungjawab dalam urusan Sebut Harga ini dan yang akan menandatangani kontrak sekiranya berjaya.

- i. Nama Penuh :
- ii. No. Kad Pengenalan :
- iii. Jawatan :

Dengan ini saya mengesahkan bahawa semua penerangan di atas adalah benar.

Tandatangan :

Nama Penuh :

Jawatan :

Tarikh :

Cop Syarikat :

DATA-DATA KEWANGAN

- A. Ringkasan Harta dan Liabiliti seperti yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan Duga (Balance Sheet) yang diaudit bagi tahun kewangan terakhir.

Asset* (A)	Liabiliti* (B)	Nilai Kewangan (Worth) (A-B)
Semasa : RM Tetap : RM _____	Semasa : RM Tetap : RM _____	Modal Pusingan : RM Modal Tetap : RM _____
Jumlah : RM _____	Jumlah : RM _____	'Net Worth' : RM _____

- B. Akaun Wang Di tangan (Cash In Hand)**

- i. Nama Dan Alamat Bank Dimana Akaun Dibuka:

.....

- ii. Nombor Akaun :

- C. Kemudahan Kredit Dalam Bentuk Mudah Cair (Jika Ada)***

1. Nama Dan Alamat Bank / Institusi Kewangan Yang Memberi Kemudahan Kredit :

.....

2. Bentuk Dan Baki Amaun Kemudahan Kredit Dalam Bentuk Mudah Cair Yang Boleh Digunakan.

- | | |
|--|----------|
| i. Overdraf atau Talian Kredit | RM |
| ii. Overdraf Bercagar | RM |
| iii. Pinjaman Tetap yang akan / layak diperolehi untuk projek. | RM |
| iv. _____ | RM _____ |

**** KEMUDAHAN KREDIT YANG DINYATAKAN ADALAH WAJIB MENGEMUKAKAN SURAT PENGESAHAN DARI BANK YANG BERKAITAN.**

Peringatan Penting:

* Sila sertakan salinan sah Akaun Syarikat bagi dua (2) tahun kewangan terakhir, yang disahkan dan diaudit oleh Juru audit bertauliah (certified accountant) atau sekiranya tiada, bagi tahun kewangan setahun sebelumnya bagi menyokong data-data yang diberi. Tender yang tidak disertakan dengan akaun ini akan ditolak.

** Sila sertakan salinan sah Penyata Bulanan Bank bagi tiga (3) bulan terakhir sebelum tarikh tutup Tender. Tender yang tidak disertakan dengan akaun ini akan ditolak.

*** Sila dapat dan sertakan Laporan sulit daripada pihak Bank / Institusi Kewangan dalam satu sampul surat berlakri.

PENGESAHAN PENGELUARAN DOKUMEN SEBUT HARGA

1. Tajuk Sebut Harga : **Program Pengajian Dan Kerjaya Kursus Jangka Pendek: Bidang Pembantu Jururawat Untuk Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP).**
2. No. Sebut Harga : **SH / MAIWP / 47 / 2024**
3. Tarikh Mula Sebut Harga : **27 Ogos 2024 (Selasa)**
4. Tarikh Tutup Sebut Harga : **03 September 2024 (Selasa)**
5. Masa Tutup Sebut Harga : **12.00 Tengah Hari**
6. Tempat : **Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan
Kaunter Kewangan Aras 11
Menara MAIWP
No. 55, Lorong Haji Hussein 2
50300 Kuala Lumpur**

Dokumen sebut harga dikeluarkan oleh:



(FAIZAH HANIM BINTI KHALID)
Ketua Unit Perolehan
Bahagian Kewangan dan Pelaburan
Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan

Bila menjawab, sila nyatakan nombor ini

NO. SEBUT HARGA
SH / MAIWP / 47 / 2024

**KERAJAAN MALAYSIA
NEGERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

SEBUT HARGA UNTUK BEKALAN / PERKHIDMATAN

Dokumen ini hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca dan ditaksirkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian Sebut Harga.

Kepada (Nama Syarikat)

.....

.....

No. Telefon

No. Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan

.....

Kod Bidang Pendaftaran yang relevan dengan

pembelian ini

Pelawaan Sebut harga dikeluarkan oleh

**MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH
PERSEKUTUAN**

ARAS 11, MENARA MAIWP

NO.55, LORONG HAJI HUSSEIN 2

50300 KUALA LUMPUR

No.Telefon : **03 – 2639 9000**

Tarikh : **27 OGOS 2024**

1. Sila beri sebut harga untuk bekalan / perkhidmatan yang disenaraikan di bawah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan:

- 1.1 Syarat Penyerahan / Penyempurnaan **tertakluk kepada syarat-syarat am.**
- 1.2 Tarikh Penyerahan / Penyempurnaan dikehendaki **seperti syarat-syarat am.**
- 1.3 Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul surat berlakri dan bertanda nombor sebut harga; **SH / MAIWP / 47 / 2024 – Program Pengajian Dan Kerjaya Kursus Jangka Pendek: Bidang Pembantu Jururawat Untuk Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP).**
- 1.4 Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang berkenaan di alamat di atas tidak lewat pada pukul **12.00 tengah hari 03 September 2024.**
- 1.5 Tempoh sah laku sebut harga hendaklah **Sembilan Puluh (90) Hari** selepas tarikh tutup.

Tarikh : **27 Ogos 2024**

Tandatangan : 

Nama Pegawai : **Faizah Hanim binti Khalid**

Jawatan : **Ketua Unit Perolehan
Bahagian Kewangan dan Pelaburan**

Bil.	Perihal Bekalan / perkhidmatan Dan Syarat-syarat Khas	Unit Ukuran	Kuantiti / Kekerapan	Kadar (RM)	Harga (RM)
Untuk diisi oleh Jabatan				Untuk diisi oleh penyebut harga	
	<p>SH / MAIWP / 47 / 2024</p> <p>Program Pengajian Dan Kerjaya Kursus Jangka Pendek: Bidang Pembantu Jururawat Untuk Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)</p> <p>Syarat-syarat am</p> <p>a) Syarat-syarat khas</p> <p>b) Spesifikasi</p> <p>c) Jadual harga</p> <p>Tarikh Penyerahan / Penyempurnaan ditawarkan</p> <p><i>*Sila sertakan sesalinan Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan</i></p>			Jumlah	_____

- (i) Harga yang ditawarkan adalah harga bersih; dan
- (ii) Tarikh penyerahan / penyempurnaan ialah

Saya / kami dengan ini menawarkan untuk membekalkan barang-barang / perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat-syarat yang ditunjukkan di atas dengan tertakluk kepada syarat-syarat di atas dan di belakang ini.

Tandatangan Penyebut harga :

Nama dan K/P :

Alamat Syarikat :

Tarikh :

Mustahak – Lihat Syarat-syarat Am Di Belakang

SYARAT-SYARAT AM

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebut harga.

1. KEADAAN BARANG

Semua barang yang dibekalkan hendaklah tulen, baru dan belum digunakan.

2. HARGA

Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan.

3. SEBUT HARGA SEBAHAGIAN

Sebut harga boleh ditawarkan bagi semua bilangan item atau sebahagian bilangan item.

4. BARANG SETARA

Sebut harga boleh ditawarkan bagi barang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi.

5. PERSETUJUAN

- (i) Kerajaan tidak terikat untuk setuju terima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga; dan
- (ii) Setiap butiran akan ditimbang sebagai satu sebut harga yang berasingan.

6. PEMERIKSAAN

- (i) Kerajaan sentiasa berhak melantik seseorang pegawai untuk memeriksa dan menguji bekalan itu semasa tempoh pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan bekalan tersebut; dan
- (ii) Penyebut harga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

7. PERAKUAN MENYATAKAN SPESIFIKASI TELAH DIPATUHI

Penyebut harga dikehendaki memperakui bahawa bekalan / perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

8. PENOLAKAN

- (i) Barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada bekalan yang telah dipersetujui sebut harganya boleh ditolak;
- (ii) Apabila diminta, penyebut harga hendaklah menyebabkan barang yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada Kerajaan segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai bekalan yang ditolak itu; dan
- (iii) Fasal-kecil (i) dan (ii) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak Kerajaan untuk mendapatkan ganti rugi kerana kegagalan memenuhi obligasi kontrak.

9. PENGIKLANAN

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebut harga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah, atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

10. TAFSIRAN

Sebut harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan penyebut harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebut harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

11. INSURANS

Tiada apa-apa insurans atas barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebut harga.

BARANG-BARANG EX-STOK ATAU **BARANG-BARANG KELUARAN MALAYSIA**

12. CUKAI

Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk cukai jika berkenaan.

13. PEMBUNGKUSAN

- (i) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
- (ii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat, hendaklah diganti oleh penjual.

14. PENGENALAN

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang itu, jika berkenaan, hendaklah ditunjukkan.

BARANG DIPESAN DARI LUAR MALAYSIA

15. CUKAI

Harga tawaran hendaklah diertikan sebagai termasuk semua cukai dan unsur-unsur cukai adalah dikehendaki ditunjukkan berasingan.

16. MATA WANG

Sebut harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

17. PEMBUNGKUSAN

- (i) Barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut norma perdagangan bekalan itu dieksport dengan tidak membungkus;
- (ii) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
- (iii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah diganti oleh penyebut harga.